



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
BAGAIMANA MENDIDIK
HATI DAN MERAWAT
JIWA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"BAGAIMANA MENDIDIK HATI DAN MERAWAT JIWA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرَى لِمَنْ كَانَ لَهُ وَقَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ ﴿٣٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga kita mendapat manfaat daripada khutbah yang disampaikan ini.</p>	5
<p>Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan " BAGAIMANA MENDIDIK HATI DAN MERAWAT JIWA? ".</p>	6



<p>Akhir-akhir ini kita lihat paparan dan olahan dalam akhbar banyak memuatkan berita tentang kejadian gejala sosial. Saluran siaran televisyen juga hampir setiap masa menyiarkan hal-hal kejadian gejala sosial. Bahkan kebelakangan ini ianya semakin rancak, bukan sahaja dipaparkan dalam pelbagai media dan akhbar, malah dalam aplikasi <i>Whatsapp</i>, <i>wechat</i>, <i>facebook</i> dan sebagainya. Namun begitu, berapa ramai antara kita yang membaca dan mendengar berita-berita tersebut; peka dan ambil peduli tentang gejala-gejala sosial yang berlaku? Ingatlah! tidak ada jaminan kita atau keluarga kita terselamat daripada terlibat, terjebak, terikut-ikut dengan gejala tersebut.</p>	7
<p>Masalah penyelewengan akidah dan gejala sosial dapat dilihat sebagai petanda awal suatu kehidupan yang memesong jauh dari kehendak syarak. Segala permasalahan ini menunjukkan kerosakan dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat umat Islam yang sangat kritikal. Ia merupakan suatu jenayah yang melampaui batas akidah, hukum syarak dan akhlak yang menjadi panduan kepada kita semua.</p>	8
<p>Persoalannya, kenapa perkara ini terus berlaku dan kelihatan semakin parah? Sedangkan banyak aktiviti dan program-program pendidikan, pencegahan, pencelahan, bahkan hukuman dikenakan dari semasa ke semasa.</p>	9



Banyak kaedah yang dapat dilakukan untuk mengelakkan permasalahan ini daripada berterusan. Antara yang utama adalah menjadikan ketetapan agama sebagai benteng kehidupan seseorang yang mengaku beriman. Sayugia sedarlah akan tujuan kita dijadikan dan ke mana tujuan kita yang sebenar. Dekatilah agama dengan mendekati diri kepada Allah SWT, menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai qudwah hasanah (teladan yang baik) dalam semua urusan hidup di dunia ini. Justeru carilah kekuatan dan berilah masa untuk hadir mendalami ilmu agama melalui pembelajaran formal atau hadir ke majlis-majlis ilmu, tausiah dan tazkirah di masjid dan surau. Ilmu dan suasana beragama sebegini akan membimbing kita semua untuk sentiasa sedar akan peranan kita, apa yang disuruh dan apa yang dilarang oleh agama. Disitulah tempat hidayah, rahmah dan keampunan Allah SWT.

10

Muaz bin Jabal Radhiallahuanhu mengingatkan bahawa:

تَعَلَّمُوا الْعِلْمَ فَإِنَّ تَعَلُّمَهُ لِلَّهِ خَشْيَةٌ وَطَلَبُهُ عِبَادَةٌ وَمُدَارَسَتُهُ تَسْبِيحٌ
وَالْبَحْثُ عَنْهُ جِهَادٌ وَبَدَلُهُ لِأَهْلِهِ قُرْبَةٌ وَتَعْلِيمُهُ مَنْ لَا يَعْلَمُهُ صَدَقَةٌ

11

"Belajarlah ilmu, sesungguhnya mempelajarinya, mencarinya membawa takut kepada Allah, menuntutnya adalah ibadah, mengulangkannya adalah tasbih, mendalaminya adalah jihad, mencurahkan kepada ahlinya adalah pengorbanan, mengajarkannya kepada orang yang tidak mengetahui adalah sedekah"

(Riwayat Ibnu Hibban).

12



Seterusnya menjaga keutuhan dan keharmonian rumah tangga. Wujudkan suasana kehidupan berkeluarga dengan suasana agama. Didik anak dengan solat yang mencegah dari perbuatan mungkar, hormat menghormati, taat pemerintah, berkomunikasi dengan baik dan jadikan anak-anak sebagai rakan dalam semua keadaan yang diharuskan oleh agama. Jika ini tidak berlaku, anak-anak akan mencari pilihan lain dalam urusan dunianya dan akhirnya jika tersalah rujukan dan nasihat, hidup mereka akan musnah kerana tergelincir dari jalan yang benar dan jauh dari agama. Apalagi cabaran hari ini yang banyak menjadikan keimanan dan jati diri anak-anak hancur lebur.

13

Selain itu juga, kehidupan bermasyarakat yang aman dan tenteram sangat penting untuk dipelihara dan dikekalkan. Masyarakat yang hanya mementingkan diri sendiri akan membuka ruang kepada masalah akidah dan sosial yang semakin membimbangkan. Sepatutnya fungsi dan peranan masyarakat hendaklah wujud dan kuat dengan prinsip saling tegur menegur dan nasihat menasihati demi kepentingan semua pihak.

14

Kita juga sering terlupa bahawa syaitan sentiasa mengajak kepada melakukan perkara yang bertentangan dengan ketetapan dan hukum Allah SWT. Ketika telunjuk syaitan menuju arah kita, maka kemenanganlah bagi syaitan yang ditugaskan memesongkan manusia dari kebenaran. Menyedari ini, seringlah berdoa kepada Allah SWT supaya diri kita dilindungi oleh Allah SWT dari syaitan, tenteranya dan kuncu-kuncunya. Nafsu yang dididik pada bulan Ramadhan lalu juga perlu terus dijaga dan sentiasalah memohon kepada Allah SWT agar kita dapat mengawalinya dan menghindari hati kita untuk melakukan perkara-perkara kejahatan.

15



Hati yang kotor dan rosak adalah menjadi pintu kerosakan seluruhnya. Kembalihkanlah hati menjadi bersih dengan mengamalkan dan memberi keutamaan apa yang disebutkan tadi. Kembalihkan hati itu kepada fungsi yang sebenar, kerana hati memainkan peranan yang penting dalam diri seseorang individu. Allah SWT menjadikan hati supaya mengenal Allah SWT sebagai pencipta . Hati adalah merupakan raja yang memandu seseorang sama ada ke arah kebaikan (yang makruf) mahupun keburukan (yang mungkar). Bersihkan hati daripada sifat Mazmumah (terkeji) dan hiasilah ia dengan sifat Mahmudah (terpuji).	16
Apabila setiap individu dapat membentuk hati sesuai dengan fungsi kejadiannya, maka ia akan dapat memenuhi segala tuntutan yang makruf dan menghidarkan yang munkar dengan penuh keimanan dan keikhlasan.	17
Hadis daripada Abu 'Abdillah al-Nu'man Ibnu Basyir Radhiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda: إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ	18
<i>"Dalam tubuh anak adam ada seketul daging. Jika baik daging itu maka baiklah seluruh anggota badan. Sebaliknya jika rosak daging itu, rosaklah seluruh anggota badan. Ketahuilah bahawa daging itu ialah hati."</i> <i>(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).</i>	19



Marilah kita sama-sama mengamalkan beberapa kaedah utama telah digariskan oleh al-Quran sebagai panduan untuk menyucikan, mendidik hati dan merawat jiwa. Antaranya ialah melaksanakan dan menjaga solat lima waktu sehari semalam.

20

Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut ayat 45.

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

21

"Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan munkar, dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

22

Kedua, banyakkkan berzikir dengan mengingati Allah SWT supaya hati menjadi tenang.

23

Firman Allah SWT dalam surah al-Ra'du ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ
الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

24



<p><i>"(iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang, tenteram hati mereka dengan zikrullah, ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang, tenteramlah hati manusia".</i></p>	25
<p>Ketiga, sentiasa mengingati mati dan melazimkan membaca al-Quran. Mengingati mati adalah cara terbaik dan paling berkesan untuk membina keinsafan selain menanamkan sikap positif dalam diri seseorang. Begitu juga dengan melazimkan membaca dan menghayati al-Quran, ianya disifatkan sebagai santapan rohani, senjata yang paling berkesan untuk membersihkan jiwa dan menyinarkannya kepada tiap-tiap orang Islam.</p>	26
<p>Hadis daripada Ibnu Umar Radhiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ هَذِهِ الْقُلُوبَ تَصْدَأُ كَمَا يَصْدَأُ الْحَدِيدُ إِذَا أَصَابَهُ الْمَاءُ " قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا جِلَاؤُهَا؟ قَالَ: "كَثْرَةُ ذِكْرِ الْمَوْتِ وَتِلَاوَةُ الْقُرْآنِ</p>	27
<p><i>"Sesungguhnya hati itu boleh berkarat seperti berkaratnya besi apabila terkena air. Maka sahabat bertanya. Ya Rasullullah apakah penyucinya?. Rasulullah berkata: Banyakkan mengingati mati dan membaca al-Quran".</i></p> <p>(Riwayat al-Baihaqi).</p>	28
<p>Seterusnya, banyakkkan bersedekah. Firman Allah dalam surah al-Taubah ayat 103;</p> <p>خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ط إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾</p>	29



"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk). Dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan ingatlah Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

30

Oleh itu marilah kita sama-sama menyucikan hati kita supaya bersih ibarat memproses pasir menjadi cermin dan bukan memproses pasir menjadi simen. Maka proseslah hati supaya bersih dan suci yang dipenuhi dengan sifat-sifat mahmudah antaranya ikhlas, sabar, reda dan mengingati mati.

31

Mengakhiri khutbah pada hari yang berbahagia ini, antara pengajaran dan kesimpulan yang dapat diambil adalah:

1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa musuh yang tersembunyi tetapi berpengaruh besar dalam hidup kita adalah syaitan dan hawa nafsu.
2. Masyarakat perlu membina dan memelihara suasana harmoni berlandaskan Islam yang mendukung kebaikan dan membenci kemaksiatan agar masyarakat tidak terus rosak dan sesat.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa memelihara hati yang berasaskan keimanan kepada Allah SWT supaya sentiasa menjadi tenang, reda dan diredai Allah SWT.

32



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا ﴿١٠﴾</p>	33
<p><i>"Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwanya, bertambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang mengotorinya (dengan sebab kekotoran maksiat)."</i></p> <p>(al-Shams: 9-10).</p>	34
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	35
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	36



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سِلاَعُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	9
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْتَفِّينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	10
<p>Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan Masjid Al Aqsa di Palestin.</p>	11
<p>Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	12



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِيدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15